



Dia mendengar sebelum Dia mengajar. Dia menjelaskan sebelum Dia menegur. Dia memecah-mecahkan roti sebelum Dia menyatakan diri-Nya.

Inilah inti sinodaliti: Allah berjalan bersama umat-Nya menurut langkah mereka.

Pewartaan Petrus dalam Kisah Para Rasul menunjukkan hal yang sama, iman bertumbuh apabila orang dibantu untuk memahami kisah keselamatan, bukan sekadar diberitahu apa yang perlu dilakukan.

Ayat Suci Minggu ini

Kisah Para Rasul 2: 14, 22-33
Mazmur 15: 1-2, 5, 7-11
1 Petrus 1: 17-21
Lukas 24: 13-35



Golongan muda pada hari ini sedang melalui pelbagai jalan Emaus, mempersoalkan iman, bergelut dengan identiti, mengharungi budaya digital, dan memikul luka yang tidak terungkap.

Dalam Hari Belia Katolik Malaysia (MCYD), para belia menyatakannya dengan jelas: "Kami tidak memerlukan pemimpin yang sempurna. Kami memerlukan orang dewasa yang berjalan bersama kami, yang mendengar, dan yang sabar dalam menemani perjalanan kami." (Sintesis MCYD, Pendampingan dan Mentor)

Pemeriksaan belia bukan tentang menyerahkan tanggungjawab terlalu cepat. Ia tentang berjalan di sisi mereka, membimbing, membentuk, dan mempercayai mereka secara beransur-ansur.

Gereja yang profetik tidak meninggalkan mereka yang sedang mempersoalkan. Gereja sinodal tidak berjalan seorang diri.

Apabila golongan muda merasa didampingi, hati mereka mula kembali bernyala dengan iman dan tujuan.

Dan seperti di Emaus, mereka akan bangkit dan kembali, bukan kerana dipaksa, tetapi kerana mereka telah mengalami pertemuan dengan Kristus melalui umat-Nya. ✨

✠
"Ingatlah bahawa kamu tidak pernah bersendirian. Kristus sentiasa bersama kamu dalam perjalanan hidup setiap hari. "

- Sto. John Paul II

NEWBEC

NEW WAY OF BEING CHURCH | Hari Minggu Ketiga Paskah | 19 April 2026

BERJALAN BERSAMA KE ARAH SEBUAH GEREJA SINODAL DAN PROFETIK

Umat Untuk Pemuridan Misionari

FOKUS BULANAN: MASYARAKAT: Memperkasakan Belia



Berjalan Bersama Mereka yang Keliru Iman Bertumbuh Melalui Pendampingan

Para murid yang dalam perjalanan ke Emaus bukanlah orang yang memberontak. Mereka kecewa, keliru, dan letih. Namun Yesus tidak memarahi mereka. Sebaliknya, Dia berjalan bersama mereka.